



Protokol pembersihan dipertingkat Airbnb

Panduan permulaan
pantas untuk proses
lima langkah



Kebersihan menjadi keutamaan

Pakai topeng dan sarung tangan anda. Masanya sudah tiba untuk memberi komitmen terhadap kebersihan.

Dengan panduan daripada pakar kesihatan dan kebersihan terkemuka, kami telah membangunkan proses lima langkah untuk membantu anda membersih dan mensanitasi setiap bahagian ruang anda.

Pastikan anda memperuntukkan masa yang mencukupi untuk pembersihan, kira-kira 45 minit bagi setiap bilik.

Cara untuk menggunakan

Panduan permulaan pantas ini memberi gambaran keseluruhan visual lima langkah untuk membersih dan mensanitasi penginapan anda. Ia merupakan rujukan yang baik untuk disimpan pada telefon anda.

Jika anda mencari arahan langkah demi langkah untuk dicetak bagi diri anda sendiri dan/atau pasukan pembersihan anda, [muat turun buku panduan ini](#).

Lima langkah pembersihan

1. Bersiap sedia
2. Bersihkan
3. Sanitasikan
4. Semak
5. Sediakan semula

Langkah 1: Bersiap sedia untuk pembersihan yang lebih selamat



Langkah 1: Bersiap sedia

- Tunggu jangka masa yang disyorkan sebelum memasuki ruang (rujuk garis panduan tempatan anda)
- Cuci tangan anda sekurang-kurangnya 20 saat dengan sabun dan air suam
- Sebelum memasuki ruang, pakai topeng, apron, sarung tangan dan penutup kasut (disyorkan)
- Alirkan udara dengan membuka tingkap dan menghidupkan kipas
- Kumpulkan sebarang peralatan yang diperlukan seperti pembersih vakum, mop, dsb.
- Kumpulkan bekalan pembersihan yang disenaraikan, termasuk bahan disinfektan yang telah diluluskan oleh agensi kawal selia



Utamakan keselamatan. Sila semak garis panduan untuk bahan kimia anda.

Mula-mula bersihkan, kemudian sanitasikan



Melakukan pembersihan bermakna menghilangkan kuman dan kotoran daripada permukaan. Contohnya, menggunakan span bersabun untuk mengelap kaunter dapur atau bahagian atas dapur.



Melakukan sanitasi bermakna menggunakan bahan kimia untuk mengurangkan kuman dan bakteria. Contohnya, menyembur bahan kimia disinfektan pada permukaan yang kerap disentuh seperti tombol pintu.

Langkah 2: Bersihkan habuk dan kotoran



Langkah 2: Bersihkan

- Kosongkan semua tong sampah dan lapik dengan plastik baharu
- Cuci semua cadar pada tetapan haba tertinggi yang disyorkan
- Cuci semua pinggan mangkuk dan kosongkan mesin basuh pinggan mangkuk atau sinki
- Bersihkan, sapu atau sedut habuk pada semua lantai
- Bersihkan semua permukaan keras dengan sabun dan air
- Ikut arahan pengilang untuk membersihkan permukaan lembut



Ini memang susah, tetapi pastikan anda tidak menyentuh muka anda semasa melakukan pembersihan.

Langkah 3: Sanitasikan



Langkah 3: Sanitasikan

- Setelah permukaan bersih, sembur atau lap dengan disinfektan yang diluluskan
- Biarkan disinfektan bertindak membersihkan permukaan—pastikan ia basah selama masa yang dinyatakan pada label pengilang
- Biarkan aliran udara mengeringkannya
- Apabila menggunakan tisu lap, gunakan sehelai tisu bagi setiap permukaan



Cuka memang kuat, tetapi kuman lebih kuat. Disinfektan semula jadi belum diluluskan oleh agensi kawal selia.

Langkah 4: Periksa

permukaan yang kerap disentuh



Langkah 4: Periksa

- Periksa sekali lagi untuk memastikan permukaan yang kerap disentuh telah disanitasi (lihat senarai di bawah)
- Semak garis panduan bilik demi bilik
- Perhatikan sebarang isu penyelengaraan seperti mentol yang perlu diganti
- Perhatikan sebarang produk pembersihan atau disinfectan yang perlu ditambah semula

Langkah 5: Sediakan semula bilik



Langkah 5: Sediakan semula

- Cuci tangan anda dan pakai sarung tangan yang bersih sebelum menambah semula sebarang bekalan, tuala atau cadar tetamu
- Tutup pintu, disinfeksi tombol pintu, dan jangan masuk semula ke ruang ini selepas disanitasikan
- Buang atau cuci alat pembersihan dan peralatan perlindungan dengan selamat
- Sediakan pakej penjagaan pembersihan untuk tetamu dengan item seperti tuala kertas, disinfektan, dan sabun tangan tambahan
- Cetak ringkasan pembersihan untuk rujukan tetamu
- Berhenti sejenak dan lihat hasil kerja keras anda

Tetamu telah memaklumkan kami bahawa mereka mahu akses kepada bekalan pembersihan semasa mereka menginap. Cuba tinggalkan pakej penjagaan pembersihan dengan bekalan yang anda percayai untuk tetamu, dan pastikan anda mencatatnya dalam penyenaraian anda.

Pastikan perkara berikut.

Permukaan yang kerap disentuh

- Tombol dan pemegang pintu
- Suis lampu
- Alat kawalan jauh
- Meja
- Kipas
- Lampu
- Ambang dan pemegang tingkap
- Kunci dan kotak kunci
- Selusur
- Tong sampah dan tong kitar semula
- Sinki
- Peralatan
- Bekas garam & lada
- Peralatan dapur
- Kerusi
- Tandas
- Pancuran mandi dan tab
- Langsir dan pintu tempat pancuran mandi
- Syampu, perapi dan sabun tangan
- Alat pengering rambut
- Buku alu-aluan Airbnb anda

Pastikan perkara berikut.

Sediakan stok bekalan ini

- Pembersih pelbagai permukaan
- Disinfektan pelbagai permukaan
- Pembersih kaca
- Peluntur
- Detergen pencuci pakaian
- Penanggal kotoran pada pakaian
- Detergen pencuci pinggan
- Pembersih permaidani
- Pembersih lantai
- Pengilap perabot/kayu
- Pembersih ketuhar
- Larutan pembersih ketuhar
- Pembersih kulat (jika perlu)

Panduan ini merupakan ringkasan mudah buku panduan. Ia tidak komprehensif dan tidak bertujuan untuk digunakan tanpa membaca keseluruhan buku panduan terlebih dahulu yang termasuk maklumat tambahan penting tentang pembersihan, protokol pembersihan dipertingkat Airbnb, dan kenyataan lain oleh Airbnb. Sila rujuk garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan tempatan anda, jika ada. Ia tidak disediakan dengan sebarang jaminan, sama ada daripada segi keterangkuman, keberkesanan, atau sebaliknya. Jika anda memutuskan untuk mengikuti protokol, anda mengakui bahawa anda mungkin perlu mengambil langkah tambahan untuk melindungi diri anda, pasukan anda, dan tetamu anda dan bahawa masih ada kemungkinan anda atau tetamu anda bersentuhan dengan dan/atau dijangkiti penyakit berjangkit, termasuk COVID-19, walaupun anda mengikuti langkah dalam buku panduan ini. Airbnb tidak bertanggungjawab atas sebarang kecederaan atau penyakit yang berlaku kerana mengikuti garis panduan ini.